

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS SEMPERA MENAMAKAN ORKID CHOGM DAN PERASMIAN TAMAN BUNGA RAYA  
Lokasi : TAMAN ORKID, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 16-10-1989

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Dato' Elyas Omar, Datuk Bandar Kuala Lumpur; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, Saya berasa bangga kerana telah dijemput hadir ke Upacara Penamaan Orkid CHOGM dan seterusnya pula saya juga diberi penghormatan untuk merasmikan Taman Bunga Raya. Di samping itu, kita semua dapat juga menyaksikan Pameran Bunga Orkid di peringkat Kebangsaan.

2. Minggu ini merupakan minggu yang bersejarah untuk negara kita Malaysia kerana Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau CHOGM akan berlangsung mulai dari hari Rabu ini. Sebagai tuan rumah, kita semua kini sedang sibuk membuat berbagai-bagai persiapan, mengatur beraneka acara bagi menjaya serta memeriahkan lagi Mesyuarat CHOGM.

3. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak terkecuali. Ia merupakan satu-satunya Jabatan Kerajaan yang memainkan peranan besar dalam membuat berbagai-bagai persiapan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah diberi tanggungjawab untuk mencantik serta menghiaskan ibu kota kita ini.

4. Sehingga kini kita telah dapat menyaksikan bandaraya kita dalam keadaan lebih bersih, lebih indah dan lebih berseri. Usaha-usaha yang telah dijalankan ini adalah bertujuan untuk mempamerkan imej yang menarik kepada pelawat-pelawat serta tetamu luar yang datang ke Malaysia.

5. Taman Bunga Orkid Kuala Lumpur ini, dan juga Taman Bunga Raya yang baru siap dibina oleh Dewan Bandaraya, telah turut terpilih sebagai satu-satunya tempat yang akan dikunjungi oleh para isteri Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel. Ini merupakan satu penghormatan yang diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana telah berjaya mengadakan pusat-pusat lawatan untuk tetamu-tetamu dari luar negeri.

Tuan-tuan dan puan-puan, 6. Menyentuh tentang bunga orkid, bunga ini telah lama dijadikan simbol dalam arena antarabangsa. Orkid pernah dijadikan sebagai tali perhubungan di antara negara-negara mahupun di antara bandaraya-bandaraya. Kita pernah menamakan sejenis orkid kacukan dengan nama Vanda MAS Los Angeles untuk menjalin hubungan rapat di antara MAS Malaysia dengan Bandaraya Los Angeles. Demikian juga banyak daripada orkid-orkid hasil kacukan tempatan yang telah diberi nama ke atas beberapa orang tokoh negara, yang kini telah mendapat pasaran yang begitu baik di luar negeri.

Kejayaan ini telah meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeluar orkid yang semakin terkenal di peringkat antarabangsa.

7. Memandangkan usaha penanaman orkid mempunyai potensi yang baik dalam pertukaran wang antarabangsa, pengusaha orkid seandainya diberi perhatian yang lebih untuk memperkembangkannya. Negara kita mempunyai iklim yang sungguh sesuai untuk penanaman orkid. Walau bagaimanapun, kita perlu memodenkan perusahaan ini. Di samping usaha-usaha untuk memperluaskan penanaman, ia juga memerlukan penyelidikan dan pembangunan, serta pembiakan secara lebih ekonomikal seperti melalui "tissue culture".

8. Matlamat kita adalah untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang terkemuka di bidang pengeksportan orkid. Pihak yang berkaitan seperti Persatuan Orkid hendaklah berusaha untuk mencapai persefahaman dan penyelesaian bagi masalah-masalah yang dihadapi dengan pihak yang tertentu, seperti masalah ruang kargo di dalam kapalterbang dan kawasan-kawasan tanah dengan Kerajaan-kerajaan negeri.

9. Mengenai kegiatan-kegiatan penyeludupan orkid-orkid hutan daripada jenis yang terkawal ke luar

negeri, kegiatan yang tidak diingini ini sepatutnya dicegah dari sekarang lagi bagi mengelakkan daripada ketandusan khazanah yang besar nilainya kepada negara kita. Jika ianya dapat dipelihara dan dilindungi, jenis-jenis orkid terkawal ini akan menjadi satu kemegahan negara pada masa hadapan. Saya berpendapat sebagai satu langkah yang berkesan, semua negeri hendaklah mengambil langkah-langkah kawalan yang lebih sistematik serta memberi kerjasama yang rapat di antara satu dengan lain supaya perbuatan penyeludupan ini diberhentikan.

10. Menyentuh tentang bunga orkid yang akan dinamakan sempena CHOGM, saya berasa bangga sekali kita telah berjaya menghasilkan empat jenis bunga baru iaitu KAGAWARA QUEEN ELIZABETH II, MOHARA MARGARET THATCHER, DENDROBIUM CHOGM dan RONNYARA CHOGM 1989. Saya mengucapkan syabas kepada "Hybridiser" yang telah dapat menghasilkan bunga- bunga kacukan ini. Penamaan bunga-bunga orkid ini melambangkan perhubungan, kerjasama, persahabatan dan perpaduan di antara Malaysia dengan lain-lain negara Komanwel.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Mengenai Taman Bunga Raya pula, saya mengucapkan syabas kepada Datuk Bandar dan Dewan Bandaraya kita yang telah berjaya mewujudkan sebuah lagi taman hiasan untuk Bandaraya Kuala Lumpur. Saya yakin Taman Bunga Raya ini akan menjadi tumpuan ramai serta menjadi kebanggaan negara kita.

Saya berharap kedua-dua taman ini, iaitu Taman Orkid dan Taman Bunga Raya akan dapat dikekalkan mutunya untuk terus menarik perhatian serta minat pengunjung-pengunjung, baik dari dalam mahupun dari luar negeri.

12. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengadakan beberapa jenis taman-taman lain seperti Taman Burung yang akan disiapkan tidak lama lagi, Taman Kupu-kupu dan juga Taman Bunga Kertas atau Bougainvillea yang akan dibina di kawasan yang berhampiran dengan Taman Orkid ini. Dengan terbinanya taman-taman ini, Kuala Lumpur tidak lagi ketandusan tempat- tempat lawatan atau tempat kunjungan oleh pelawat- pelawat. Langkah Dewan Bandaraya ini amatlah positif sekali dan selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 1990.

Semua ini adalah usaha Kerajaan untuk menarik lebih ramai lagi para pelancong datang ke negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar dan Jawatankuasanya yang telah sudi menjemput saya pada pagi ini. Dengan ini saya mengisytiharkan Orkid CHOGM dengan diberi nama KAGAWARA QUEEN ELIZABETH II, MOHARA MARGARET THATCHER, DENDROBIUM CHOGM dan RONNYARA CHOGM 1989; dan saya merasmikan Pameran Bunga Orkid Kebangsaan 1989.

14. Seterusnya, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Taman Bunga Raya Kuala Lumpur.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.